

04/09/2002

Dr Mahathir bersama menteri menyusuri Tasik Putrajaya

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad bersama sembilan menteri Kabinet menyusuri Tasik Putrajaya selama 45 minit meninjau persekitaran tasik itu.

Mereka ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok dan Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi.

Turut serta Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Mereka bertolak dari Kelab Tasik Putrajaya pada jam 6.30 petang untuk menyusuri tasik buatan sepanjang 38 kilometer itu yang dibina di kawasan seluas 400 hektar dengan kedalaman antara empat hingga 13 meter.

Tasik itu yang siap tahun ini mengambil masa kira-kira enam bulan saja dipenuhi air yang diterima daripada dua sumber iaitu Sungai Chua dan Sungai Bisa.

Mengikut rancangan ada lapan jambatan dibina menyeberangi tasik buatan itu.

Antaranya ialah Jambatan Putra yang terletak berhampiran Masjid Putra, Jambatan Seri Bakti (di Parcel C), Jambatan Seri Gemilang yang menghubungkan Pusat Konvensyen yang masih dalam proses pembinaan, Jambatan Seri Saujana dan Jambatan Seri Wawasan yang terletak berhampiran bangunan Kementerian Kewangan.